

SIARAN AKHBAR

RAYUAN HAJI MASIH BELUM DIMUKTAMADKAN OLEH TH

KUALA LUMPUR, 16 FEBRUARI 2019: Lembaga Tabung Haji (**TH**) ingin memaklumkan bahawa sehingga kini, **surat tawaran kepada semua pemohon rayuan haji yang berjaya belum dimuktamadkan atau dikeluarkan.**

TH masih dalam proses penilaian ke atas setiap permohonan rayuan secara individu. Proses ini mengambil kira semua kategori rayuan yang akan dinilai dengan terperinci. Sebarang keputusan bagi rayuan haji akan dipertimbangkan dengan berasaskan prinsip istito'ah (kemampuan).

Istito'ah atau kemampuan mengerjakan haji termasuk mempunyai wang yang cukup untuk menampung semua perbelanjaan menunaikan haji; mempunyai bekalan dan perbelanjaan yang cukup termasuk nafkah orang di bawah tanggungan yang akan ditinggalkan di Tanah Air selain kesihatan; terpilih dalam kuota; dan mempunyai mahram (bagi wanita).

Kos sebenar untuk mengerjakan haji pada musim 1440H/2019M adalah sebanyak RM22,900 bagi seorang jemaah haji Muassasah. Kos tersebut adalah untuk membayar harga tiket penerbangan carter pergi balik, penginapan, pengangkutan, sajian makanan dan bayaran kepada pihak berkuasa Arab Saudi bagi tempoh lebih 40 hari jemaah berada di Tanah Suci.

Ini belum mengambil kira perbelanjaan oleh **TH** untuk menyediakan perkhidmatan secara percuma seperti pelbagai Kursus Haji di seluruh negara, urusan stesen berlepas dan ketibaan di Tanah Air, pemeriksaan kesihatan, bekalan ubat-ubatan, buku-buku bimbingan, pembimbing ibadat haji, kaunter kewangan, kaunseling dan petugas haji, perubatan serta peronda.

Surat tawaran akan dimaklumkan kepada pemohon rayuan haji yang berjaya sahaja dalam masa terdekat. **TH** berharap semua pihak bersabar menunggu keputusan rayuan masing-masing.

-Tamat-

Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan TH

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. **TH** bertekad untuk menyediakan perkhidmatan haji yang cemerlang kepada jemaah Malaysia dan rekodnya yang konsisten ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model kepada pengurusan haji yang inovatif. **TH** mempunyai lebih daripada sembilan juta pendeposit dan 125 cawangan dengan hampir 10,000 *touch points*, di seluruh negara. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi *Tabung Haji Contact Centre* dialian 03-6207 1919.

Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, pihak media boleh hubungi:

Affan Aimaduddin Azami Eksekutif Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan TH 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my	Hisyam Samad Pengurus Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan TH 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2519 Tel. Bimbit: 012 6929358 Faks: 03 2164 0436 Emel: hisyam.samad@lth.gov.my
---	---